

KOSMO
8/9/16
MLS 19

UNIT RUJUKAN DAN KESELAMATAN
DITERIMA
07 SEP 2016
I.R.D.

Ribuan pengguna terkandas ekoran tren laluan Gombak hingga Putrajaya terjejas

Perkhidmatan LRT tergendala lagi

KUALA LUMPUR - Ribuan pengguna perkhidmatan sistem Transit Aliran Ringan (LRT) terkandas berikutan masalah teknikal yang menyebabkan keseluruhan perkhidmatan dari laluan Gombak hingga Putrajaya terjejas bermula pukul 7 pagi semalam.

Paling terkesan, warga kota yang menggunakan LRT untuk ke tempat kerja.

Seorang pengguna, Farhana Azmi yang merupakan petugas *Bernama* berkata, dia keluar dari rumah di Pantai Dalam pada pukul 10 pagi untuk masuk ke pejabat pada pukul 11 pagi dengan menggunakan perkhidmatan LRT di Stesen Kerinchi.

Kebiasaannya, dia akan tiba pada pukul 10.30 pagi di Stesen Ampang Park dan meneruskan perjalanan dengan menaiki teksi ke pejabat.

"Setiba di Stesen Kerinchi, saya dengar pengumuman menyatakan perkhidmatan tren menghadapi masalah teknikal dan tren bergerak perlahan. Setiap tren



PARA pengguna perkhidmatan pengangkutan awam terpaksa menunggu ketibaan tren yang mengalami gangguan di Stesen LRT Setiawangsa, Kuala Lumpur semalam.



KEADAAN kesesakan berlaku di Stesen LRT Setiawangsa menghala ke Putra Heights ekoran kelewatan tren disebabkan gangguan teknikal semalam.

berhenti di setiap stesen berikutnya lebih 5 minit daripada waktu biasa.

"Di Stesen Bangsar pula, tren berhenti paling lama kira-kira 20

minit, sebelum penumpang diarahkan keluar berikutan tren itu telah diberhentikan," katanya.

Pengumuman yang dibuat menyebut, pengguna boleh menunggu atau boleh mendapatkan kembali bayaran di kaunter.

"Saya tanya staf di situ, mereka kata tak pasti bila perkhidmatan akan disambung semula. Saya terpaksa naik teksi untuk ke pejabat dan tiba lewat hampir setengah jam di pejabat disebabkan jalan yang turut sesak," kata Farhana.

Farhana yang merupa-

kan pengguna tetap pengangkutan awam turut melahirkan rasa terkilan kerana masalah sebegini sering berlaku tetapi kali ini perkhidmatan LRT tergendala paling lama.

Laman Twitter rasmi @AskRapidKL menerima pelbagai maklum balas termasuk luahan rasa tidak puas hati dan terkilan pengguna sejourus selepas ia mengumumkan masalah teknikal yang berlaku, berikutan masalah LRT tergendala sering berulang.

Laman sosial Facebook Rapid KL turut hangat dengan pelbagai soalan pengguna.

Salah seorangnya, Nabihah Othman menulis; "Apa, tak selesai (masalah) lagi ke?"

Rapid KL kemudian memohon maaf kerana masih dalam proses baik pulih dan pihaknya akan beri perkembangan terkini apabila perkhidmatan kembali normal.

Sementara itu, masalah itu dilaporkan selesai kira-kira pukul 12.30 tengah hari semalam dan perkhidmatan LRT beroperasi semula seperti biasa. - Bernama

INFO

Kes-kes LRT terganggu

31 Mac 2016

● Pemberhentian sementara perkhidmatan LRT di antara stesen Chan Sow Lin dan Sri Petaling berikutan salah satu tren mengalami masalah teknikal.

4 April 2016

● Perkhidmatan LRT laluan Kelana Jaya tergendala ekoran gangguan operasi pada waktu puncak sehingga menyebabkan para penumpang terpaksa menunggu ketibaan tren dalam tempoh yang lama.

3 Jun 2016

● Perkhidmatan LRT tergendala di antara stesen Cheras dan Sri Petaling akibat gangguan bekalan kuasa yang dipercayai berpunca daripada kejadian ribut.

18 Julai 2016

● Perkhidmatan LRT di laluan Sri Petaling dan Ampang berlaku kelewatan akibat masalah bekalan kuasa yang dihadapi di depoh baharu LRT Rapid KL di Kampung Kuala Sungai Baru, Puchong.